

Skuad Muda JPJ sertai sukarelawan bomba Jeli

AHLI BAHARU.

Seramai 15 ahli Skwad Muda 1 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Jeli-Tanah Merah, Kelantan menyertai Pasukan Bomba Sukarela Jeli (PBSJ) baru-



baru ini. Ketua Balai Bomba Jeli, Mohamad Shahril Mohamad Sa'aid berkata, semua ahli-ahli baharu yang menyertai pasukan PBSJ akan diberi latihan

kebombaan. "Mereka perlu mengikuti latihan setiap minggu di bawah bimbingan pegawai bomba Jeli. "Kita amat mengalu-alukan penyertaan masyarakat setempat sebagai sukarelawan bomba," ujarnya.



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli baharu PBSJ bergambar bersama anggota bomba Jeli selepas menjalani latihan di balai bomba berkenaan baru-baru ini.